

DATE: 7 / 10 / 2007

Islam Hadhari panduan mantapkan pentadbiran

BH-7/10/2007

KOTA KINABALU: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata Islam Hadhari adalah panduan yang dapat membantu menguatkan sistem pentadbiran tanpa menjejaskan kepentingan agama lain.

Beliau berkata, konsep itu turut menyumbang ke arah pewujudan tadbir urus kerajaan lebih mantap dan adil dalam menyediakan pelbagai peluang untuk rakyat tanpa mengira latar belakang kaum dan agama.

"Islam Hadhari ditunjangi konsep yang sudah lama menjadi pegangan kita sebagai rakyat Malaysia yang menganut pelbagai agama.

"Islam Hadhari tidak menyusahkan sesiapa termasuk penganut agama lain, sebaliknya ia membolehkan semua orang menikmati faedah pembangunan, dapat ke sekolah menimba ilmu dan melengkapkan diri untuk menjadi individu lebih baik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan tazkirah selepas solat Maghrib pada majlis berbuka puasa di Dewan Bankuasi Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah di sini, malam tadi.

Terdahulu, Perdana Menteri menyampaikan sumbangan Pusat Zakat Sabah kepada 60 anak yatim dari Beaufort, Tambunan dan Tuaran.

Hadir sama isteri beliau, Datih Seri Jeanne Abdullah; Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman; dan barisan pemimpin Kabinet negeri serta parti komponen Barisan Nasional (BN) Sabah.

Perdana Menteri turut menunaikan solat Isyak dan tarawih bersama jemaah.

Abdullah berkata, dakwaan pembangkang kononnya Islam Hadhari bertujuan mengislamkan semua pihak hanya bertujuan mengelirukan pemahaman umum berhubung prinsip sebenarnya.

"Pembangkang memang tidak pernah bersetuju dengan apa yang kita buat, maka apa yang perlu kita lakukan ialah menjelaskan kepada orang ramai mengenai pengertian sebenar Islam Hadhari," katanya.



PERDANA
 LEADERSHIP
 FOUNDATION
 YAYASAN
 KEPIMPINAN
 PERDANA